

# Hubungan Nilai Alam Sekitar dan Nilai Peribadi: Satu Analisa

ZURINA MAHADI<sup>1</sup> & HUKIL SINO<sup>2</sup>


## ABSTRACT

*This review analyses the possible relationship between environmental values and personal values. This review propose that environmental values are the result of a person's general set of personal values. Multinational studies shown that environmental value orientation namely egocentric, anthropocentric and ecocentric demonstrated link to the Schwartz theory of personal values. This review summarised the findings that support the hypothesised relationships. Finally, the review draws several conclusions regarding the environmental-personal value relationship in corporating a profound set of environmental value system.*

## PENGENALAN

Setiap aspek kehidupan manusia adalah berkaitan dengan sistem nilai. Nilai berkait rapat dengan pengalaman dan pendirian seorang individu serta boleh mempengaruhi motif, alasan dan justifikasi setiap tindakan individu tersebut. Nilai juga wujud dalam kelompok sosial yang lebih besar; keluarga, komuniti, organisasi dan masyarakat. Nilai-nilai yang terkandung dalam kelompok sosial tersebut mungkin berbeza dengan nilai-nilai yang dimiliki yang dimiliki oleh individu-individu tertentu (selepas ini akan dirujuk sebagai nilai peribadi) namun lazimnya, sistem nilai sosial ini merupakan set nilai representatif yang dihormati, diamalkan dan dipatuhi oleh kelompok sosial secara kolektif.

Nilai alam sekitar ditakrifkan sebagai sistem nilai yang menyokong sebarang tindakan yang mengarah kepada kesejahteraan alam sekitar. Hakikatnya, sistem nilai alam sekitar bukan merupakan satu sistem yang bebas dan ekslusif sebaliknya ia tertakluk kepada sistem nilai ekonomi, politik dan intelektual. Pemilihan dan penetapan nilai-nilai alam sekitar tidak boleh ditentukan secara mandatori oleh pencinta-pencinta alam namun turut dikongsi oleh pemikir-pemikir dalam komponen ekonomi, politik dan intelektual. Penakrifan nilai alam sekitar yang berbeza akan membawa kepada interpretasi tingkah laku yang berbeza di antara satu pihak dengan yang lain. Selain itu, alam sekitar merupakan entiti yang sentiasa berubah, secara spatial atau temporal, secara semulajadi atau bukan semulajadi. Alam sekitar juga merupakan satu sistem



yang kompleks dan dikatakan memiliki nilai-nilai intrinsik yang tersendiri. Nilai intrinsik alam sekitar ini memberikan justifikasi bahawa alam sekitar juga mempunyai ‘hak’ dan ‘kepentingan’. Proses pembinaan sistem nilai ini perlu menimbangkan kemajmukan budaya (*cultural plurality*) serta elemen ‘hak’ dan ‘kepentingan’ alam sekitar semasa mencadangkan, mengenalpasti dan merumus tingkahlaku yang ‘betul’ dan ‘salah’.


Sememangnya untuk membina satu sistem nilai alam sekitar yang boleh memenuhi pelbagai kepercayaan, kepentingan dan komitmen setiap komponen adalah amat sukar. Ia merupakan satu medan pertembungan di antara misi dan visi, hak dan tanggungjawab serta tradisi dan kepentingan. Walaupun sukar, sistem nilai alam sekitar ini perlu dibina kerana di dalamnya terkandung prinsip-prinsip tatacara yang betul (*proper conduct*) dalam hubungan manusia dan alam sekitar serta bertindak sebagai asas dalam menangani sebarang konflik kepentingan antara manusia dan alam sekitar.

## NILAI ALAM SEKITAR

Nilai merupakan sejenis produk hipotetikal mental yang terdapat pada setiap individu. Ia mengandungi elemen-elemen kesedaran dan perasaan yang seringkali dipamerkan dalam sikap dan tindakan individu tersebut. Pengkaji-pengkaji sistem nilai alam sekitar telah cuba membuktikan kewujudan nilai-nilai alam sekitar pada setiap individu.

Secara umum, orientasi nilai alam sekitar dikategorikan kepada dua premis iaitu antroposentrik (*anthropocentric*) dan ekosentrik (*ecocentric*) (Kempton, Boster & Hartley, 1995). Bagi beberapa pengkaji, antroposentrik dinyatakan sebagai sosial-altruis manakala ekosentrik sebagai biosentrik. Dari sudut etika, antroposentrik dihuraikan sebagai teori yang memberi keutamaan kepada manusia (*human-centered*); hanya manusia yang mempunyai nilai intrinsik manakala nilai bagi komponen alam sekitar selain manusia bergantung kepada fungsi dan kepentingannya kepada manusia (*utilitarian*). Sebaliknya, konsep ekosentrik menegaskan bahawa setiap komponen alam sekitar mempunyai nilai intrinsik tersendiri yang bebas dari penilaian manusia.

Stern dan Dietz (1994) serta Merchant (1992) telah mencadangkan satu lagi premis orientasi nilai alam sekitar selain antroposentrik dan ekosentrik iaitu egosentrik. Egosentrik melihat alam semulajadi sebagai milik manusia sepenuhnya; ia perlu dipelihara untuk kesejahteraan manusia semata-mata. Egosentrik disifatkan sebagai nilai yang berorientasikan kepentingan individu manakala antroposentrik adalah nilai yang berorientasikan masyarakat. Pengkaji juga melihat ekosentrik sebagai nilai yang berorientasikan semua organisme hidup dan bukan manusia semata-mata. Walau bagaimanapun, beberapa pengkaji mempertikaikan perbezaan orientasi nilai antroposentrik dan egosentrik



(Thompson & Barton, 1994). Menurut mereka, kedua-dua orientasi tersebut mengutamakan kepentingan manusia maka tiada ciri ketara yang boleh membezakan di antara keduanya. Berdasarkan rasional tersebut, mereka mencadangkan penggabungan orientasi antroposentrik dan egoistik manakala ekosentrik kekal dalam orientasinya sendiri. Kumpulan-kumpulan nilai alam sekitar secara umumnya dibina berdasarkan tiga premis tersebut.


Seorang ahli antropologi, Profesor Court Smith dari Universiti Oregon telah cuba menjelaki evolusi pembentukan nilai alam sekitar yang ditemui seawal tahun 1854. Pada tahun tersebut, Chief Seattle, seorang ketua salah satu puak pribumi Amerika telah memberi ucapan yang masyhur di mana intipatinya dijadikan sumber rujukan utama sistem nilai alam sekitar masyarakat pribumi. Jelas sekali semua nilai dalam masyarakat tersebut adalah berlandaskan rasa hormat kepada bumi (*earth-centered*) (Kaiser, 1987). Nilai alam semulajadi bagi kumpulan ini amat bersifat spiritual dan menunjukkan ciri-ciri ekosentrik yang ketara. Begitu juga dengan konsep nilai dalam *Deep Ecology* yang menegaskan bahawa setiap hidupan berhak untuk hidup dan manusia tidak seharusnya diberikan keutamaan berbanding yang lain (Devall & Sessions 1985).

Stephen Kellert (1997) dalam bukunya *The Value of Life* telah membangunkan sembilan kumpulan nilai asas alam sekitar yang dianggap sebagai taksonomi sifat-sifat alam semulajadi. Kellert merujuk kumpulan nilai tersebut sebagai adaptasi dan evolusi hubungan manusia dan alam semulajadi. Pada hari ini, satu premis nilai alam sekitar baru telah dicetuskan iaitu teknosentrik (*technocentric*). Pada dasarnya, teknosentrik melihat alam semulajadi sebagai sumber berfaedah yang boleh dimanipulasi secara teknologi dan ekonomi untuk kepentingan manusia. Teknosentrik dikatakan menonjolkan ciri-ciri antroposentrik secara signifikan.

Ciri-ciri nilai alam sekitar yang dipaparkan melalui premis-premis di atas adalah kabur dan terlalu umum menjadikannya tidak praktikal sebagai rujukan dalam polisi pembangunan. Bagi mewujudkan suatu skala atau piawai yang lebih objektif, kaedah penentuan nilai alam sekitar secara monetari telah dibangunkan.

## PENILAIAN MONETARI ALAM SEKITAR


Kaedah analisa kos-faedah dalam ekonomi turut diaplikasikan untuk menentukan kewajaran ekstraksi dan eksloitasi alam sekitar dalam suatu aktiviti pembangunan. Analisa kos-faedah adalah berdasarkan konsep keberkesanan ekonomi iaitu pembangunan ekonomi seharusnya memberikan faedah kepada manusia tanpa menyebabkan kerugian yang lain iaitu ia seharusnya diteruskan sekiranya faedah melebihi kos. Pada dasarnya, sumber dan perkhidmatan yang disediakan oleh alam sekitar diberikan nilai pasaran dan analisa kos-faedah



akan dilakukan berdasarkan nilai tersebut (Pearce, Markandaya & Barbier, 1989; Pearce, 1991). Walau bagaimanapun, sebahagian besar komponen alam sekitar tidak boleh diberikan nilai spesifik contohnya nilai rekreasi atau nilai estetika yang terdapat pada komponen alam sekitar tersebut. Oleh itu, ahli-ahli ekonomi alam sekitar telah membangunkan kaedah-kaedah penilaian monetari yang lebih sesuai dengan sifat alam semulajadi iaitu kaedah penilaian kontinjen (*contingent valuation method*, CVM), kaedah pilihan kontinjen (*contingent choice method*, CCM), prinsip penilaian hedonik (*principally hedonic pricing*, PHP) dan kaedah kos-perjalanan (*travel cost method*, TCM). Secara asasnya, nilai alam sekitar melalui kaedah-kaedah ini dijana secara membangunkan senario hipotetikal sekiranya aktiviti pembangunan dijalankan pada lokasi alam sekitar yang tertentu.

Kaedah penilaian kontinjen dan kaedah pilihan kontinjen kerap digunakan untuk menentukan faedah suatu aktiviti pembangunan berbanding kerugian sumber dan perkhidmatan alam semulajadi dalam bentuk monetari. Tinjauan akan dijalankan di kalangan penduduk di kawasan berkenaan untuk mendapatkan secara langsung nilai monetari yang ditetapkan oleh penduduk bagi lokasi tersebut ataupun secara tidak langsung, menilai kesanggupan penduduk untuk menampung kos (*willingness to pay*) kerugian ekonomi sekiranya aktiviti pembangunan tersebut dibatalkan. Jumlah tersebut dianggap sebagai anggaran nilai monetari komponen alam sekitar berkenaan. Berbanding CVM yang membandingkan di antara faedah pembangunan dan alam semulajadi, CCM selalunya membuat perbandingan di antara beberapa pilihan pembangunan yang menawarkan faedah yang berbeza kepada pengguna di samping impak yang berbeza terhadap alam semulajadi. Walaupun kaedah-kaedah ini dilihat mempunyai banyak kelemahan dankekangan, CVM khususnya diaplikasikan secara meluas terutamanya untuk menentukan pampasan apabila berlakunya kerosakan akibat aktiviti ekonomi dan pembangunan.

Prinsip penilaian hedonik digunakan untuk menganggarkan nilai ekonomi ekosistem yang mempengaruhi harga pasaran harta tanah di sebuah kawasan. Faktor yang sering diambil kira dalam penilaian adalah kualiti persekitaran (air, udara dan tanah) serta nilai estetika dan rekreasi kawasan tersebut. PHP sering digunakan untuk menentukan nilai harta tanah atau kediaman yang akan dibangunkan di kawasan tertentu. Sifat-sifat persekitaran seperti yang dinyatakan di atas akan menentukan nilai monetari kawasan berkenaan. Bagi kaedah kos-perjalanan, peruntukan masa dan kos perjalanan yang sanggup dikeluarkan untuk pergi ke suatu lokasi adalah menggambarkan nilai lokasi tersebut. Ia sering digunakan untuk menentukan kewajaran memelihara dan memulihara suatu lokasi alam semulajadi yang sering dilawati untuk tujuan rekreasi.




Pada dasarnya, penilaian monetari alam sekitar dibangunkan untuk membolehkan komponen alam sekitar dipertimbangkan dalam perancangan ekonomi. Nilai anggaran yang dijana melalui kaedah-kaedah di atas akan digunakan untuk menentukan kos dan faedah aktiviti pembangunan yang akan dijalankan. Secara umum, kaedah-kaedah tersebut adalah baik kerana ia membolehkan alam sekitar dilibatkan secara aktif dan pasif dalam aktiviti ekonomi. Selain itu, penetapan nilai monetari secara konsensus oleh pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung dirasakan lebih kukuh berbanding dengan penetapan nilai yang berdasarkan pendapat peribadi kelompok tertentu. Walau bagaimanapun, kaedah-kaedah ini menerima kritikan hebat terutamanya dari kalangan aktivitis alam sekitar yang menegaskan bahawa penetapan nilai monetari bagi komponen alam sekitar adalah tidak wajar kerana pengalaman yang digunakan dalam proses itu adalah berdasarkan pengalaman pasaran ciptaan manusia. Selain itu, dirasakan tidak adil untuk menentukan nilai alam semulajadi berdasarkan kepentingannya terhadap manusia dan bukan berdasarkan kepentingannya dalam ekosistem (*antroposentrik vs ekosentrik*). Isu ini masih lagi dibahaskan terutamanya di antara ahli ekonomi dan aktivis alam sekitar namun buat masa ini, ia dianggap sebagai kaedah yang paling praktikal dan boleh dipercayai.

Namun konflik yang jelas dalam penetapan nilai monetari ini ialah motif responden sewaktu menentukan nilai komponen alam sekitar yang sedang dinilai. Seperti juga pencirian nilai-nilai alam sekitar dalam kumpulan-kumpulan nilai egosentrik, antroposentrik dan ekosentrik, adakah motif dalam tiga bentuk penilaian ini berkaitan dengan nilai peribadi? Adakah wujud sebarang hubung kait antara nilai alam sekitar dan nilai peribadi? Persoalan ini akan dikupas selanjutnya melalui perbandingan di antara kedua-dua kelompok nilai iaitu nilai alam sekitar dan nilai peribadi.

## NILAI PERIBADI

Milton Rokeach telah menjalankan kajian-kajian penting tentang nilai pada tahun 1970-an dan buku-buku beliau telah menyumbangkan konsep nilai dengan jelas dan kukuh berbanding pengkaji-pengkaji lain sebelumnya. Rokeach (1973) mendefinisikan nilai sebagai satu kepercayaan yang kukuh bahawa sesuatu kelakuan atau keadaan adalah lebih baik berbanding dengan kelakuan atau keadaan yang sebaliknya dan ini berlaku dalam kedua-dua konteks peribadi dan sosial. Rokeach juga menegaskan bahawa nilai cenderung wujud dalam bentuk tunggal dan amat stabil. Ia sering digunakan sebagai piawai untuk menilai suatu tindakan dan sikap. Nilai mempunyai dua ciri yang yang ketara iaitu yang pertama, ia tidak dibatasi oleh suatu objek atau situasi secara spesifik. Suatu nilai contohnya kebertanggungjawaban, boleh diaplikasi dalam pelbagai




situasi, isu atau objek. Ciri nilai yang kedua ialah ia merupakan paksi utama yang mencorakkan kepercayaan dan sikap seorang individu. Oleh itu, kefahaman tentang sistem nilai amat membantu dalam memahami corak kepercayaan dan pembentukan sikap setiap individu.

Selain Rokeach, terdapat beberapa penyelidik yang turut mengkaji profil nilai pada seseorang individu. Allport (1961) menyatakan nilai adalah satu bentuk kepercayaan yang menentukan tindakan seorang individu manakala Wrightsman (1977) merumuskan nilai sebagai satu set kepercayaan yang teratur dan konsisten. Hofstede (1980) melihat nilai sebagai teras pemikiran atau program yang mengawal minda dan ia yang akan menentukan kebaikan dan keburukan setiap pilihan. Berdasarkan kajian-kajian tersebut, rumusan awal yang boleh dibuat ialah konsep nilai adalah benar dan ia amat berkait rapat dengan pendirian setiap individu.

Hasil kajian selama sedekad, Rokeach telah mengenalpasti item-item nilai iaitu 18 nilai instrumental dan 18 nilai terminal. Di antara contoh-contoh nilai instrumental ialah jujur, penyayang, sopan dan bertanggungjawab manakala beberapa contoh nilai terminal ialah keselesaan, kejayaan, kebahagiaan dan kegembiraan. Nilai-nilai instrumental dikatakan amat mempengaruhi nilai-nilai terminal namun ini tidak semestinya benar dalam semua keadaan. Setiap individu dikatakan memiliki kedua-dua set nilai yang akan mempengaruhi sikap dan tingkahlaku individu tersebut dalam setiap aspek kehidupan termasuk sewaktu berinteraksi dengan alam sekitar.

Schwartz (1994) telah membangunkan teori nilainya sendiri berdasarkan teori Rokeach. Berdasarkan literasi yang dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji sistem nilai (Allport, 1961; Feather, 1995; Ingleheart, 1997; Kohn, 1969; Kluckhohn, 1951; Morris, 1956; Rokeach, 1973), Schwartz meringkaskan ciri-ciri utama nilai ialah ia merupakan kepercayaan yang berkait rapat dengan emosi, elemen motivasi yang menetapkan matlamat, tidak bersifat spesifik kepada suatu tindakan atau situasi tertentu sahaja, berperanan sebagai piawai atau kriteria dan akhir sekali, wujud dalam bentuk hirarki. Menurut Schwartz, faktor penting yang membezakan suatu nilai dengan nilai yang lain adalah matlamat akhir yang dicorakkan oleh nilai tersebut.

Schwartz telah mengenalpasti sepuluh kumpulan nilai yang merangkumi semua nilai asas (56 item) yang diperlukan untuk memenuhi keperluan manusia sebagai organisma biologi dan ahli komuniti sosial. Kumpulan nilai ini seterusnya dibahagikan kepada empat dimensi iaitu dimensi kepentingan umum (*self-transcendence*), kepentingan peribadi (*self-enhancement*), pemeliharaan (*conservation*) dan kesediaan untuk berubah (*openness to change*). Schwartz membina satu struktur kitaran kumpulan dan dimensi nilai untuk menggambarkan hubungan di antara kumpulan dan dimensi tersebut. Kumpulan nilai yang berhampiran di antara satu sama lain



menggambarkan kumpulan-kumpulan tersebut memiliki matlamat yang hampir serupa dan begitu juga sebaliknya. Konflik di antara dimensi meletakkan dimensi kepentingan umum bertentangan dengan kepentingan peribadi dan dimensi pemeliharaan bertentangan dengan kesediaan untuk berubah.


Kumpulan nilai yang disenaraikan oleh Schwartz ialah universalisme (*universalism*), kemurahan hati (*benevolence*), kuasa (*power*), pencapaian (*achievement*), kepuasan diri (*self-direction*), rangsangan (*stimulation*), hedonisme (*hedonism*), tradisi (*tradition*), kepatuhan (*conformity*) dan keselamatan (*security*). Nilai universalisme dan kemurahan hati ditempatkan dalam dimensi kepentingan umum; kuasa dan pencapaian dalam dimensi kepentingan peribadi; kepuasan diri, rangsangan dan hedonisme dalam dimensi kesediaan untuk berubah; dan tradisi, kepatuhan dan jaminan dalam dimensi pemeliharaan. Walaupun Schwartz cuma menampilkan semula nilai yang telah dikenalpasti oleh Rokeach namun beliau telah melakukan perincian dan pengelompokan berdasarkan matlamat akhir setiap nilai.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh Schwartz (1992, 1994, 1996, 2005), beberapa rumusan tentang nilai telah didapati; nilai bersifat hampir universal di mana sepuluh kumpulan asas nilai yang diketengahkan oleh Schwartz telah dipamerkan oleh penduduk 67 buah negara; konflik di antara dimensi-dimensi nilai juga bersifat hampir universal; hierarki nilai dipengaruhi oleh latar belakang (umur, tahap pendidikan, gender, persekitaran budaya, politik dan ekonomi); dan nilai amat mempengaruhi sikap dan tingkah laku. Teori nilai Schwartz akan dirujuk dalam perbincangan seterusnya.

## HUBUNGAN NILAI ALAM SEKITAR DAN NILAI PERIBADI

Salah satu nilai terminal yang dinyatakan oleh Rokeach iaitu keindahan alam (*a world of beauty*) jelas menunjukkan hubungkait di antara nilai peribadi dan nilai alam sekitar. Schwartz (1994) turut menyenaraikan item-item nilai peribadi yang berorientasikan alam sekitar iaitu nilai melindungi alam sekitar, keindahan alam dan kesatuan dengan alam semulajadi. Hipotesis awal yang boleh dicadangkan ialah nilai peribadi yang berbeza akan melahirkan nilai alam sekitar yang berbeza dalam setiap individu.


Beberapa kajian kuantitatif dan kualitatif telah dilakukan untuk melihat hubungan secara langsung dan tidak langsung di antara nilai alam sekitar dan nilai peribadi. Burgess, Limb dan Harrison (1988a, 1988b) telah menjalankan satu tinjauan di Rainham, Essex untuk melihat respon penduduk terhadap rancangan pembangunan di kawasan lembah air masin berhampiran. Dalam tinjauan tersebut, semua penduduk telah menentang aktiviti pembangunan



dijalankan di kawasan lembah tersebut kerana mereka merasa lebih selesa dengan adanya komponen alam sekitar berhampiran mereka. Walaupun lembah tersebut tidak menepati persepsi keindahan alam sekitar yang lazim kerana ia merupakan tapak pembuangan sisa industri, lembah itu tetap bernilai hanya kerana ia suatu komponen alam sekitar. Selain itu, mereka merasakan adalah tanggungjawab moral mereka untuk melindungi komponen alam sekitar tersebut untuk dinikmati oleh keturunan mereka. Kajian lepas menunjukkan profil penentuan nilai alam sekitar amat kompleks dan bersifat subjektif. Nilai alam sekitar bukan sahaja bergantung kepada keindahan yang ditawarkan malah dikaitkan dengan memori setiap aktiviti yang berlangsung dalam lingkungannya. Dalam senario ini, nilai-nilai asas dalam dimensi pemeliharaan iaitu tradisi, kepatuhan dan keselamatan jelas menonjol berbanding nilai-nilai asas yang lain. Penolakan terhadap pembangunan pula adalah refleks kepada penolakan nilai-nilai asas dalam dimensi kesediaan untuk berubah iaitu stimulasi dan keutamaan diri.

NIMBY (*not in my backyard*) juga merupakan satu contoh penentuan nilai alam sekitar dalam masyarakat yang berkait rapat dengan nilai peribadi. Ia merupakan respons lazim masyarakat terhadap masalah alam sekitar berhampiran mereka dan secara tidak langsung, ia memberi gambaran nilai yang diberikan kepada alam sekitar. Menurut konsep ini, nilai alam sekitar adalah bersifat spatial dan temporal. Ia hanya bernilai sekiranya berada di tempat dan masa yang tertentu. Komponen alam sekitar yang berada jauh dari persekitaran lazim adalah tidak bernilai sama sekali. Ciri-ciri yang ketara dalam senario NIMBY ialah ciri mementingkan diri (egosentrik) dan nilai-nilai yang menepati ciri ini ialah kuasa dan pencapaian dalam dimensi kepentingan diri. Jelas sekali NIMBY menolak nilai-nilai yang terkandung dalam dimensi kepentingan umum iaitu universalisme dan kemurahan hati.

Kajian-kajian kuantitatif juga telah dijalankan oleh beberapa pengkaji. Pengkaji menjangkakan nilai peribadi mempengaruhi orientasi nilai alam sekitar setiap individu (Schultz & Oskamp, 1997). Nilai-nilai peribadi tertentu akan berkorelasi secara konsisten dengan orientasi nilai alam sekitar tertentu. Stern, Dietz, Kalof dan Guagnano (1995) telah menjalankan kajian untuk melihat hubungan di antara orientasi nilai egosentrik, antroposentrik dan ekosentrik dengan kumpulan nilai yang dibangunkan oleh Schwartz. Hipotesis awal Stern *et al.* (1995) ialah item-item dimensi kepentingan umum akan berkorelasi dengan orientasi ekosentrik dan antroposentrik manakala dimensi kepentingan diri berkorelasi dengan orientasi egosentrik. Hasil kajian menunjukkan bahawa dimensi kepentingan umum berkorelasi secara positif dengan ketiga-tiga orientasi nilai manakala dimensi kepentingan diri berkorelasi secara negatif dengan orientasi ekosentrik. Dimensi tradisi pula didapati berkorelasi secara negatif dengan orientasi ekosentrik dan egosentrik. Dapatkan ini gagal membuktikan teori bahawa nilai peribadi yang berbeza akan melahirkan orientasi




nilai alam sekitar yang berbeza. Kajian yang dijalankan oleh Karp (1996) juga gagal membuktikan hubungan sistematik di antara nilai peribadi dan orientasi nilai alam sekitar.

Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh Schultz dan Zelezny (1998) telah menunjukkan hubungan yang konsisten di antara nilai peribadi dan orientasi nilai alam sekitar. Dalam kajian ini, pengkaji menggabungkan orientasi nilai egosentrik ke dalam antroposentrik dan orientasi ekosentrik kekal seperti asas. Hipotesis awal kajian ini ialah orientasi ekosentrik berkorelasi secara positif dengan dimensi kepentingan umum dan berkorelasi secara negatif dengan dimensi kepentingan peribadi dan pemeliharaan manakala orientasi antroposentrik berkorelasi secara positif dengan dimensi kepentingan diri dan pemeliharaan serta berkorelasi secara negatif dengan dimensi kepentingan umum. Nilai-nilai dalam dimensi kepentingan umum menampilkan matlamat yang tidak memfokuskan kepentingan manusia semata-mata (contohnya nilai keindahan alam dan nilai kesatuan dengan alam semulajadi) dan ini selari dengan ciri-ciri ekosentrik. Sebaliknya, nilai-nilai dalam dimensi kepentingan peribadi memfokuskan kepada kepentingan manusia (contohnya nilai kekuasaan, kekayaan dan pengaruh) dan ini selari dengan ciri-ciri antroposentrik dan egosentrik.

Walaupun kajian ini menumpukan kepada dua dimensi nilai namun dua dimensi yang lain iaitu keterbukaan dan pemeliharaan turut disertakan dalam borang soal-selidik. Kajian yang meliputi 14 buah negara dan 2160 responden telah mendapati orientasi ekosentrik berkorelasi secara positif dengan nilai universalisme (dimensi kepentingan umum) dan berkorelasi secara negatif dengan nilai kuasa (dimensi kepentingan peribadi) dan tradisi (dimensi pemeliharaan). Orientasi antroposentrik pula didapati berkorelasi secara positif dengan nilai kuasa, tradisi dan keselamatan (dimensi pemeliharaan) dan berkorelasi secara negatif dengan nilai kemurahan hati (dimensi kepentingan umum). Dapatkan ini konsisten dengan hipotesis awal serta berjaya menunjukkan hubungan di antara nilai peribadi dan orientasi nilai alam sekitar.

## KESIMPULAN


Nilai alam sekitar amat subjektif dan mengikut konteks; ia mungkin dinilai berdasarkan fungsi dan kepentingan ekonomi, atau mungkin dinilai berdasarkan kepuasan dan kegembiraan yang ditawarkan, atau mungkin dinilai berdasarkan kesejahteraan dan kestabilan yang disediakan untuk kemandirian manusia. Walaupun kajian-kajian terdahulu tidak menunjukkan secara konsisten pengaruh nilai peribadi ke atas nilai alam sekitar namun hubungan antara kedua-duanya tidak dapat dinafikan. Berdasarkan inventori nilai yang dihasilkan oleh Rokeach dan Schwartz, wujud nilai-nilai yang berkaitan dengan alam sekitar secara



langsung atau tidak langsung. Berdasarkan teori Schwartz, hirarki nilai-nilai ini dijangkakan akan mempengaruhi motif seorang individu termasuk penentuan nilai alam sekitar. Walaupun penilaian monetari dikatakan amat praktikal dalam menangani subjektiviti penentuan nilai alam sekitar, ia juga dipercayai dipengaruhi oleh hirarki nilai tersebut. Sebagai kesimpulan, penjurusan kepada orientasi ekosentrik, antroposentrik dan egosentrik ataupun penetapan nilai monetari dipercayai amat dipengaruhi oleh profil nilai peribadi. Sekiranya satu sistem nilai alam sekitar yang mantap ingin dibangunkan, pengetahuan dan kefahaman tentang nilai peribadi perlu dimantapkan terlebih dahulu.

## RUJUKAN

- Allport, G.W. 1961. *Pattern and growth in personality*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Burgess, J., Limb, M. & Harrison, G. 1988a. Exploring environmental values through the medium of small groups: 1 theory and practice. *Environment and Planning A*, 20,309-326.
- Burgess, J., Limb, M. & Harrison, G. 1988b. Exploring environmental values through the medium of small groups: 2 Illustrations of a group at work. *Environment and Planning A*, 20,457-476.
- Devald, B. & Sessions, G. 1985. *Deep Ecology*. Gibbs Smith Publication.
- Feather, N.T. 1995. Values, valences and choice: The influence of values on the perceived attractiveness and choice of alternatives. *Journal of personality and Social Psychology*, 68,1135-1151.
- Hofstede, G. 1980. *Culture's Consequences: International differences in work-related values*. Beverly Hills, Calif:Sage.
- Ingleheart, R. 1997. *Modernization and postmodernization*. Princeton, NJ : Princeton University Press.
- Kaiser, R. 1987. Chief Seattles speech(es): American origins & European reception. In B.Swann & A.Krupat (Eds.) *Recovering the World: Essays on Native American Literature*. Berkeley. CA : University of California Press. 497-536.
- Karp, D.G. 1996. Values and their effect on pro-environmental behaviour. *Environmental and Behaviour* 28: 111-133.
- Kellert, S. 1997. *The Value of Life*. Island Press.
- Kempton, W., Boster, J. & Hartley, J. 1995. *Environmental Values in American Culture*. Cambridge, MA: MIT Press.
- Kluckhohn, C. 1951. Values and value orientations in the theory of action. In T.Parsons & E.A. Shils (Eds.), *Toward a general theory of action*. Cambridge, Mass : Harvard University Press.



- Kohn, M.L. 1969. *Class and conformity*. Homewood, II : Dorsey Press.
- Merchant, C. 1992. *Radical Ecology*. New York: Routledge.
- Morris, C.W. 1956. *Varieties of human value*. Chicago : University of Chicago Press.
- Pearce, D.W. 1991. *Blueprint 2: Greening the Global Economy*, Earthscan, London.
- Pearce, D.W., Markandaya, A. & Barbier, E.B. 1989. *Blueprint for a Green Economy*, Earthscan, London.
- Rokeach, M. 1973. *The nature of human values*. New York: Free Press.
- Schultz, P.W. & Oskamp, S. 1997. The motivational bases for environmental concern. Paper presented at the Society of Experimental Social Psychology, Toronto, Canada.
- Schultz, P.W. & Zelezny, L. 1998. Values and proenvironmental behaviour; A five country survey. *Journal of Cross-Cultural Psychology* 29,540-558.
- Schwartz, S.H. (1992). Universals in the content and structure of values: Theory and empirical test in 20 countries. In M.Zanna (Ed.), *Advances in experimental social psychology* (vol 25) (pp 1-65). New York: Academic Press.
- Schwartz, S.H. (1994). Are there universal aspects in the content and structure values? *Journal of Social Issues*, 50:19-45.
- Schwartz, S.H. (1996). Value priorities and behavior: Applying a theory of integrated value systems. In C.Seligman, J.M.Olson & M.P.Zanna (Eds), *The psychology of values: The Ontario Symposium*, Vol 8 (pp 1-24) Hillsdale, NJ:Erlbaum.
- Schwartz, S.H. (2005). Basic human values : Their content and structure across countries. In A.Tamayo & J.B. Porto (Eds.), *Valores e comportamento nas organizações* [Values and behavior in organizations] pp. 21-25. Petropolis, Brazil : Vozes.
- Stern, P. & Dietz, T. (1994). The value basis of environmental concern. *Journal of Social Issues* 56,121-145.
- Stern, P., Dietz, T., Kalof, L. & Guagnano, G. (1995). Values, beliefs and proenvironmental action : Attitude formation toward emergent attitude objects. *Journal of Applied Social Psychology* 25, 1611-1636
- Thompson, S. & Barton, M. (1994). Ecocentric and anthropocentric attitudes toward the environment. *Journal of Environmental Psychology* 14,149-157.
- Wrightsman, L.S. (1974). *Assumptions about human nature: Implications for researchers and practitioners*. Newbury Park, Calif : Sage.

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Umum, UKM

<sup>2</sup>Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu, UKM

